



## **MAJLIS PERBANDARAN SÉBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD**

**YANG DIPERTUA MPSP**

### **SEMPENA**

**“MAJLIS PELANCARAN BENGKEL *UPCYCLE*”**

**16 SEPTEMBER 2017 (SABTU)**

**2.30 PETANG**

**BERTEMPAT DI AUDITORIUM IBU PEJABAT MPSP**

**BANDAR PERDA**

**BUKIT MERTAJAM**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow,**  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang,  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan  
Lalulintas dan Tebatan Banjir.

**Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmud**  
Setiausaha Perbandaran  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua – Ketua Jabatan dan Pegawai**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Rakan - rakan Media**

**Tuan - Tuan Dan Puan - Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama pada hari ini di dalam Majlis Pelancaran Bengkel *Upcycle*.

Sebelum itu izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Tuan Chow Kon Yeow kerana sudi melapangkan masa hadir ke majlis ini.

### **Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

MPSP menyasarkan untuk menjadi Bandar Rendah Karbon pada tahun 2022. Oleh itu, kadar kitar semula perlu dipertingkatkan dari 42% pada tahun 2016 ke 70% pada tahun 2022. Angka ini adalah satu sasaran yang tinggi dan hanya boleh dicapai sekiranya MPSP dan penduduk Seberang Perai berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapainya. Bengkel *upcycle* diadakan bagi mengajar cara memberi nilai tambah kepada barang kitar semula untuk menjadi penjana ekonomi (local economic development – LED) dan seterusnya meningkatkan kadar kitar semula.

Bersempena dengan Pelancaran Program *Upcycle* pada hari ini, dua puluh enam (26) orang jurulatih daripada pihak komuniti yang melaksanakan program *upcycle* akan diberi sijil pelantikan bagi tahun 2017/2018. Mereka dikehendaki membantu melatih lebih banyak peserta *upcycle*. Bengkel diadakan pada hari Sabtu ketiga setiap bulan di pejabat MPSP, Jalan Betek.

Peserta akan diajar untuk menjahit beg banner ‘*upcycle*’ yang menggunakan kertas, pembungkus kertas, pembungkus plastik, kotak minuman dan kain. MPSP amat mengharapkan lebih ramai ahli masyarakat yang mengguna semula bahan buangan untuk mencipta bahan baru yang boleh diguna pakai. Komuniti-komuniti juga digalakkan menganjur sendiri program-program *upcycle* dari masa ke semasa. Menerusi program *upcycle* ini, masyarakat setempat boleh menggunakan semula bahan-bahan terbuang seperti paket minuman segera (3 in 1) dan menganyamnya menjadi beg dan sebagainya.

Jika sebelum ini banyak lambakan bahan terbuang, tetapi kini dengan mempraktikkan seni *upcycle*, barang terbuang boleh dijadikan suatu barang baru, yang berkualiti, bernilai dan boleh digunakan. Malah, ianya boleh dijadikan sebagai punca sumber pendapatan yang lumayan.

Antara produk *upcycle* adalah seperti:-

- a) Beg yang dibuat daripada “banner”.
- b) Dompet, beg, kotak pensel / alat tulis yang diperbuat daripada plastik pembungkus makanan.
- c) Bakul / pasu yang diperbuat daripada kertas / suratkhabar / majalah.
- d) Gelang / rantai aksesori yang diperbuat daripada kertas.

**Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

MPSP telah memainkan peranan dalam pembangunan program *upcycle* di Seberang Perai. Di antaranya adalah:-

- a) Menyokong pembangunan kepakaran dalam program *upcycle* melalui latihan.
- b) Mendaftar peserta yang berminat menghadiri latihan mengikut kategori *upcycle*.
- c) Menentukan kualiti *upcycle* dan mendaftar produk *upcycle* bertujuan untuk memberi penjenamaan, kawalan kualiti (quality control) dan pemasaran.
- d) Membantu mempromosikan *upcycle*.

Untuk tujuan ini, MPSP telah menubuhkan satu jawatankuasa, iaitu Pasukan Kerja Upcycle MPSP yang dipengerusikan oleh Dato' Yang Dipertua MPSP dan 10 orang Ahli Majlis. Pasukan Kerja Upcycle ini bertanggungjawab untuk mendaftar jenis sisa atau buangan, proses, kualiti, reka bentuk kreatif dan *carbon footprint*. Satu kod pendaftaran akan diberikan berdasarkan kategori-kategori tersebut.

### **Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

MPSP telah bekerjasama dengan pihak Pengurusan Auto-City bagi memberi ruang percuma setiap hari Sabtu pertama jam 8.00 malam hingga 10.30 malam untuk mengadakan Karnival ‘*Upcycle*’. Penyertaan untuk karnival ini adalah terbuka kepada individu serta pertubuhan tempatan. Tujuan karnival ini ialah untuk memberi peluang dan galakkan kepada individu atau pertubuhan tempatan bagi pemasaran produk ‘*upcycle*’ dari bahan bahan-bahan buangan. Ini juga mendidik orang awam supaya lebih kreatif dalam mengubah bahan-bahan buangan.

Selain itu, semasa pameran, komuniti juga dijemput untuk mengadakan jualan dan pertunjukan membuat produk *upcycle*. Sehingga kini terdapat enam (6) komuniti di Seberang Perai yang telah berjaya dalam penghasilan produk *upcycle* untuk tujuan jualan, iaitu

Permatang Nibong, Taman Pandan, Penanti, Machang Bubok, Kepala Gajah dan Taman Cendarawasih.

**Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

Impian untuk menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah bandar raya rendah karbon menjelang tahun 2022 hanya mampu direalisasikan dengan mengamalkan 8R seperti dalam *MPSP Smart Consumption Model* (Model MPSP berhubung Penggunaan Bijak) iaitu:-

1. *Rethink (Be mindful of your consumption, your relationship with ‘things’ and your relationship with the Earth)*
2. *Refuse (Don’t consume what you don’t need to)*
3. *Reduce (Reduce consumption of energy and materials)*
4. *Re-use (Share with others. Find new uses for old objects)*
5. *Repair (Fix or upgrade your objects rather than throwing them away)*
6. *Re-gift (Share, and be a part of the gift company)*
7. *Recover (Energy and materials recovery. And **UPCYCLE**)*
8. *Recycle (Close the loop and remake)*

Program “upcycle” secara langsung dapat mendidik masyarakat untuk menjadikan kitar semula sebagai satu amalan harian. Bermula dari tempat kerja hingga ke dalam institusi kekeluargaan maka

pengembelengan kedua-dua institusi ini pasti dapat menjadikan Seberang Perai dan sekaligus Pulau Pinang sebuah negeri yang mengamalkan kitar semula dan *upcycle* dengan jayanya. Jika warga Seberang Perai dapat mengamalkan kitar semula dan *upcycle*, ianya akan menjadi satu tunjang utama dalam penjagaan alam sekitar yang lebih lestari dan hijau. Perkara ini sahaja mampu merealisasikan impian menjadikan Seberang Perai sebagai bandar raya rendah karbon kelak.

### **Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

MPSP sedang merangka Pembentukan **Pelan Strategik 2018-2022**. Dalam pembentukan pelan strategik, MPSP melibatkan *stakeholders* dalam menentukan 10 Fokus Area yang akan dijadikan *strategic priorities* melalui kajian soal selidik. Borang kaji selidik ini bertujuan untuk mendapatkan input serta pandangan daripada *stakeholders* mengenai Seberang Perai yang mereka inginkan pada tahun 2022. MPSP akan menumpukan 10 *strategic priorities* yang menjadi fokus utama dalam mengerakkan Pelan Strategik MPSP 2018-2022. Borang kaji sellidik ini akan digunakan dalam mendapatkan input melalui *online survey*, edaran soal selidik kepada pejabat-pejabat YB, Ahli-ahli Majlis, warga Seberang Perai dan *outreach programmes*.

Borang kaji selidik secara *online survey* telah dipaparkan di laman web MPSP [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) pada 30 Ogos 2017 untuk tempoh dua (2) tahun. *Stakeholders* boleh mengisi borang kaji selidik secara online melalui [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) dengan klik pada borang “Kaji Selidik Kehendak Pelanggan terhadap Pembentukan Pelan Strategik MPSP 2018-2022”. Pengguna dikehendaki mengisi semua ruangan yang telah disediakan dan memilih 10 *strategic priorities* yang perlu diberi keutamaan oleh MPSP. Setelah selesai mengisi 10 *strategic priorities*, pengguna disyorkan mengemukakan cadangan berkenaan **Pernyataan Misi Seberang Perai Tahun 2022.**

Dengan ini, saya sudahi dengan *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Sekian, terima kasih.